

Diarah henti operasi serta-merta

Dua premis jalankan perniagaan proses sampah dan kitar semula tanpa kebenaran MDKL

LABOHANDAGANG - Dua premis perniagaan yang menjalankan operasi memproses sampah dan kitar semula di Kampung Labohan Dagang dan Kampung Bukit Changgang diarah menghentikan operasi serta-merta oleh Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dalam satu operasi, di sini.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata operasi tersebut dibuat selepas mendapat aduan daripada orang ramai dan susulan daripada operasi yang pernah dijalankan sebelum ini.

Menurutnya, pihaknya mendapati pemilik premis berkenaan menjalankan beroperasi tanpa lesen memproses sampah sarap bagi tujuan barangan kitar semula sejak beberapa bulan lalu.

"Pemilik perniagaan tersebut dikenakan notis di bawah UUK3, UUK Pelesenan Trade, Perniagaan dan Perindustrian (MDKL) 2007 kerana menjalankan perniagaan tanpa kebenaran dari pihak MDKL dan boleh

INFO

● **Pemilik tanah yang didapati menjalankan aktiviti pengumpulan sampah di atas tanah berstatus pertanian boleh dikenakan denda dan menyebabkan hak milik tanah tersebut dilucutkan di bawah Kanun Tanah Negara.**

dikompaun maksimum RM1,000.

"Tindakan drastik ini diambil setelah pemeriksaan dijalankan dan didapati pengusaha premis menjalankan perniagaan memproses barangan kitar semula dengan mengumpul sampah-sarap sebelum diasingkan," katanya.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan kacau ganggu bau busuk dan bising kepada penduduk di kawasan sekitar.

"Bau busuk ini turut berlarutan sehingga 24 jam kerana kerja-kerja pengasingan sampah sarap ini di-



Keadaan sampah yang bertaburan mengundang bau kurang selesa penduduk sekitar.

jalankan hingga lewat malam.

"Dalam pada itu, kita juga mengadakan operasi sebuah premis tanpa lesen yang menjalankan operasi pengasingan sampah-sarap bagi dijadikan barangan kitar semula," katanya.

Selain itu, premis ini juga didapati menyalahgunakan lesen perniagaan dengan menukar kebenaran lesen operasi asal iaitu bengkel kenderaan kepada tempat pem-

prosesan barangan kitar semula.

"Pemilik perniagaan tersebut juga dikenakan notis di bawah UUK4, UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MDKL) 2007 dan boleh dikenakan kompaun sebanyak RM1,000 kerana menjalankan perniagaan tanpa kebenaran daripada MDKL," katanya.

Pemilik tanah yang didapati menjalankan aktiviti pengumpul-

an sampah di atas tanah berstatus pertanian boleh dikenakan denda dan menyebabkan hak milik tanah tersebut dilucutkan di bawah Kanun Tanah Negara.

Justeru, Mohamad Zain menasihatkan setiap pengusaha yang ingin menjalankan perniagaan di kawasan MDKL perlu mendapatkan kelulusan pelan bangunan serta kelulusan lesen perniagaan yang sah terlebih dahulu.